

HAK KEPADA AIR

Setiap orang mempunyai hak kepada air yang **mencukupi**, **selamat**, **boleh akses** dan **kos berpatutan** untuk kegunaan peribadi dan domestik.

Mencukupi

Bekalan air yang mencukupi dan berterusan bagi memenuhi keperluan asas manusia seperti minum, memasak, mandi dan sanitasi.




Selamat

Air perlu selamat dan bebas daripada bahan berbahaya yang boleh membawa kemudaratan kepada kesihatan seseorang.




Boleh akses

Kemudahan air perlu berada dalam lingkungan jarak selamat yang boleh diperolehi oleh semua orang termasuk golongan rentan. Sebarang maklumat mengenai perkhidmatan air seharusnya boleh diakses oleh setiap orang.



Bayaran berpatutan


Bayaran air mesti berpatutan untuk semua orang tanpa menjejaskan keupayaan mereka untuk mendapatkan keperluan asas yang lain.



Tahukah anda?

Hak kepada air mempunyai dua aspek utama iaitu kebebasan dan hak.

Kebebasan merangkumi:



Perlindungan daripada pemotongan sumber air secara haram.



Larangan pencemaran sumber air.



Tiada diskriminasi dalam akses kepada air minum yang selamat dan bersih dan sanitasi.

Hak merangkumi:



Peluang yang sama untuk semua orang menikmati hak kepada air minum yang selamat dan bersih.



Penglibatan dalam membuat keputusan berkaitan air dan sanitasi.



Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia

Untuk maklumat lanjut, sila imbas kod QR ini atau hubungi kami:



Phone: 03 - 2612 5600
Email: humanrights@suhakam.org.my
Website: www.suhakam.org.my